

PBB Sarawak Akan Pastikan Calon Boleh Menang Bertanding Pada PRU Ke-13
Bernama
Julai 23, 2011

KUCHING: Komponen utama Barisan Nasional (BN) di Sarawak iaitu Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) akan memastikan hanya calon yang boleh menang bertanding mewakili BN pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13, kata Timbalan Ketua Wanita PBB Datin Fatimah Abdullah di sini.

Fatimah yang juga Menteri di Pejabat Ketua Menteri berkata sebagai persiapan awal untuk menghadapi PRU Ke-13, PBB bukan sahaja akan mengenal pasti siapacalon, tapi juga calon yang boleh menang dan mendapat sokongan parti.

"Senarai calon kita tidak bincang secara terperinci, namun kita semua setujudengan keputusan untuk memilih calon yang boleh menang sejajar dengan apa yang diinginkan oleh Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Tun Razak)," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas selesai mesyuarat anggota majlis tertinggi PBBdi ibu pejabat PBB di sini.

Mesyuarat yang berlangsung hampir tiga jam itu dipengerusikan oleh KetuaMenteri selaku Presiden PBB Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Taib ketika ditemuibagaimanapun enggan memberi sebarang komen tentang inti pati mesyuarat tersebut.

Fatimah berkata mesyuarat tersebut turut membincangkan beberapa isu danperkara semasa termasuk tentang pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) yang akan menjadi salah satu tunjang kepada usaha memantapkan ekonomi Sarawak pada masa hadapan.

Dalam pada itu, Setiausaha Agung BN Sarawak Datuk Dr Stephen Rundi Utomketika diminta mengulas tentang hasrat Parti Progresif Penduduk (PPP) yang mahubertanding di Sarawak atas tiket bebas berkata PBB tidak ada hak untuk menyekatmana-mana parti politik untuk bertanding di negeri itu.

Beliau berkata PBB tidak menghadapi masalah dengan perkara tersebut keranaapa yang lebih utama adalah untuk memperkuat lagi PBB sebagai tunjangkekuatan BN di Sarawak.

Pagi ini, Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata parti itu bersedia meletakkan calon mereka atas tiket Bebas di Sarawak pada PRU Ke-13 akan datang.

Menurutnya walaupun tanpa restu daripada BN negeri, parti itu tetap akanmembariskan calon-calon di kawasan Parlimen terutama yang dimenangi pembangkang.

"Ini adalah permintaan penduduk Sarawak sendiri, kami (PPP) tidak memaksadiri... tetapi itu yang rakyat mahukan, kita akan bekerjasama dengan BN negerikerana kita sebahagian daripada parti komponen BN peringkat nasional," katanya. – **BERNAMA**

Source:

http://www.mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2011/7/23/mstar_berita/20110723151646&sec=mstar_berita